

KL, Tokyo meterai perjanjian kerjasama

BH 14 DEC 2002

Daripada Mutazar Abd Ghani

TOKYO, Jumaat - Malaysia dan Jepun akan memeterai Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang merangkumi pelbagai bidang kerjasama dua hala tahun depan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita sedang menyediakan dokumen perjanjian dua hala itu untuk dikemukakan kepada kerajaan Jepun," katanya pada sidang akhbar hari terakhir lawatan rasmi beliau selama dua hari ke sini, hari ini.

Beliau berkata, FTA yang akan ditandatangani Malaysia itu berbeza dengan perjanjian yang ditandatangani oleh negara Asean lain dengan Jepun sebelum ini.

Katanya, ini kerana perjanjian berkenaan bersifat lebih meluas, yang turut meliputi kepentingan lain

seperti soal kebudayaan di samping perdagangan.

"FTA kita berbeza dengan negara lain kerana ia dibuat mengikut keperluan Malaysia. Thailand misalnya, adalah negara pengeksport beras dan ini menimbulkan masalah kepada Jepun.

"Bagi Malaysia, kita mengeluarkan kereta dan ini pula menimbulkan beberapa perkara yang perlu diperincikan dalam perjanjian yang akan ditandatangani," katanya.

Sebelum ini, Jepun menandatangani FTA dengan anggota Asean iaitu Thailand dan Singapura.

Ditanya sama ada Malaysia akan menandatangani perjanjian serupa dengan China, Dr Mahathir berkata, ia akan dibuat atas dasar kerjasama Asean-China.

Mengenai pertemuan beliau dengan tokoh korporat Jepun pagi semalam, Dr Mahathir berkata, beliau meyakinkan mereka bahawa dalam keadaan ekonomi sekarang, Malaysia masih menjadi lokasi pelaburan menguntungkan.

Pada masa sama katanya, ahli perniagaan Jepun terbabit turut menyatakan minat meninjau projek lain yang berbentuk industri berteknologi tinggi dan berasaskan pengetahuan.

"Mereka juga memberitahu saya, meskipun China memiliki banyak tarikan, syarikat Jepun masih selesa di Malaysia yang mempunyai kualitinya yang tersendiri," katanya.

Sementara itu, pagi ini Dr Mahathir dan rombongan meluangkan masa kira-kira dua jam untuk melawat taman tema Disney Sea Tokyo.